

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 JULAI 2022  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 18

### 140,000 keluarga bukan lagi miskin tegar



MUSTAPA

**Kuala Lumpur:** Kira-kira 140,000 keluarga miskin tegar di Malaysia akan dieluarkan daripada senarai kelompok itu dalam tempoh tiga tahun setengah melalui program yang dapat meningkatkan pendapatan mereka, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Menurutnya, pemantauan secara berkala dan tersusun akan dilakukan setiap bulan dan langkah intervensi akan dijalankan sekiranya diperlukan.

"Kita juga akan mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan keluarga miskin tegar ini dapat keluar daripada senarai berkenaan," katanya semasa sesi Pertanyaan Bagi Jawab Lisan di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan **Datuk Mohd Fasihah Mohd Fakieh (Bersatu-Sabak Bernam)**, yang meminta Perdana Menteri menyatakan bilangan rakyat dikategorikan sebagai miskin tegar bagi tempoh 2020 sehingga kini, serta langkah kerajaan bagi menghapuskan kemiskinan tegar.

Mustapa berkata, 44,829 ketua isi rumah dikatego-

rikan sebagai miskin tegar pada 2020 berdasarkan Bank Data Kemiskinan Nasional atau eKasih yang diuruskan oleh Unit Penyelesaian Pelaksanaan di Jaban Perdana Menteri.

"Bagaimanapun susulan penggunaan metodologi pendapatan garis kemiskinan 2019 serta impak pandemik Covid-19, bilangan miskin tegar meningkat kepada 144,932 ketua isi rumah setakat 30 Jun 2022," katanya.

Beliau berkata, Program Pembasmi Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) pelengkap kepada program sedia ada untuk menangani isu kemiskinan merentasi semua etnik dalam Keluarga Malaysia.

"BMTKM akan dilaksanakan di 1,000 lokality dalam tempoh tiga tahun enam bulan. Fasa pertama telah mula dilaksanakan pada bulan Jun 2022 membabitkan 80 lokality secara rintis," katanya.

Beliau berkata, program yang dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan merangkumi projek-projek pertanian, penternakan, ke-usahawanan, pemasaran serta pembangunan minda dan motivasi.